



## SIARAN MEDIA

### **CENVIRO LANCAR DANA KELESTARIAN RM4 JUTA UNTUK PENDUDUK SEKITAR PUSAT KUALITI ALAM**

SENDAYAN: 25 Oktober, Kumpulan Cenviro Sdn Bhd, anak syarikat Khazanah Nasional Berhad hari ini melancarkan *Dana Kelestarian Kualiti Alam* berjumlah RM 4 juta selaras dengan komitmen syarikat kepada kesejahteraan alam sekitar, keselamatan dan kebajikan komuniti setempat.

Menteri Besar YAB Dato' Seri Hj Aminuddin Harun berkata pelancaran dana kelestarian ini adalah langkah proaktif pihak Kualiti Alam Sdn Bhd dalam menangani sebarang isu berkaitan alam sekitar, kesihatan, pencemaran atau sebagainya yang berpunca dari pengoperasian pusat Kualiti Alam di masa hadapan.

Terdapat kira-kira 6,000 penduduk yang mendiami 1,888 buah rumah di sekitar pusat tersebut merangkumi Kampung Jimah Lama, Kampung Jimah Baru, Kampung Sendayan, Kampung Gadong Jaya dan Kampung Ladang Tanah Merah.

Menurut Dr. Johari Jalil, Pengarah Urusan Kumpulan Cenviro, dana tersebut akan ditadbir dan di kawal selia oleh pihak Kualiti Alam bersama Kerajaan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar Negeri.

"Kami menyambut baik cadangan dari Kerajaan Negeri bagi penubuhan sebuah dana kelestarian. Sehubungan itu, kami telah menubuhkan sebuah dana yang bernilai RM4 juta. Ianya adalah komitmen kami kepada Kerajaan Negeri Sembilan dan juga komuniti setempat. Satu jawatankuasa khas akan ditubuhkan dalam masa terdekat bagi menetapkan prosedur – prosedur yang sewajarnya", tambah beliau.

Pusat Kualiti Alam merupakan pusat rawatan dan pelupusan sisa bahan terjadual bersepadu pertama negara. Ianya telah beroperasi di Bukit Pelanduk sejak 1998 dan bertanggungjawab merawat dan melupus sisa bahan terjadual atau sisa industri dengan teratur dan selamat. Sebagai salah satu prasarana penting dalam pembangunan industri dan kelestarian alam sekitar negara, Kualiti Alam telah memberikan perkhidmatan kepada lebih dari 9000 buah syarikat terutamanya syarikat multinasional yang memerlukan perkhidmatan bertaraf antarabangsa yang bersepadu dari pungutan, rawatan, hingga ke lupusan akhir.

-----  
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Awam Cenviro:

Ismawati Mohd Shah  
Tel: +603 2727 6136 / 0193610602  
Email: [ismawati@cenviro.com](mailto:ismawati@cenviro.com)

Amirul Syazwan Halim  
Tel: +03 2727 6194 / 019 2835803  
Email: [amirulhalim@cenviro.com](mailto:amirulhalim@cenviro.com)